

TATACARA PENGIKRARAN BORANG EKSAIS NO.8 BAGI PEMINDAHAN MINUMAN BERGULA SELEPAS TAMAT TEMPOH PERALIHAN SEHINGGA SISTEM SEDIA UNTUK DIGUNAKAN

A. PENDAHULUAN

1. Pemindahan minuman bergula dari kilang eksais/ gudang eksais ke gudang berlesen di bawah seksyen 65, Akta Kastam 1967 atau seksyen 25, Akta Eksais 1976 atau untuk tujuan eksport ke luar negara atau ke kawasan yang ditetapkan (DA) perlulah menggunakan borang Eksais No. 8 (E8) bagi setiap konsaimen. Namun begitu, bagi tempoh peralihan pengikraran E8 tersebut tidak perlu dilakukan bagi setiap kali pemindahan dan ianya memadai dengan penggunaan Nota Penghantaran (*Delivery Order (DO)*) sahaja.
2. Walau bagaimanapun, syarikat dikehendaki membuat pengikraran E8 secara bulanan bagi pemindahan yang telah dilakukan. Pengikraran tersebut hendaklah dibuat selewat-lewatnya pada hari terakhir bulan berikutnya.
3. Pengikraran secara bulanan bagi tempoh peralihan ini akan berakhir pada 31 Ogos 2019. Mulai 1 September 2019, JKDM akan memperkenalkan satu tatacara pengikraran E8 yang selari dengan kehendak perundangan serta memberi kemudahan kepada semua *stake holders* yang terlibat. Tatacara ini akan dilaksanakan sehinggalah sistem yang dibangunkan tersebut sedia untuk digunakan.

B. SENARIO PEMINDAHAN MELALUI E8

1. Terdapat beberapa senario pemindahan melalui E8 seperti berikut:
 - i. Pemindahan dari kilang eksais/gudang eksais (kawalan dokumentari) ke kilang eksais/gudang eksais (kawalan dokumentari);
 - ii. Pemindahan dari kilang eksais /gudang eksais (kawalan dokumentari) ke gudang berlesen di bawah seksyen 65 Akta Kastam 1967(kawalan fizikal);
 - iii. Pemindahan dari kilang eksais/gudang eksais (kawalan dokumentari) ke pelabuhan/ stesen sempadan untuk tujuan eksport ke luar negara atau ke kawasan yang ditetapkan (DA) iaitu Langkawi, Labuan dan Tioman.

2. Disebabkan senario pemindahan yang berbeza dari segi kawalan secara fizikal atau dokumentari, maka terdapat sedikit perbezaan dari segi tatacara pemindahan tersebut.

C. TATACARA PEMINDAHAN

1. Bagi memenuhi keperluan perundangan dan peraturan-peraturan eksais, pemindahan minuman bergula menggunakan E8 mulai 1 September 2019 sehingga satu tempoh yang akan ditetapkan:

a. Pengikraran Awal (*Provisional Declaration*)

- i. Pemindahan minuman bergula seperti senario di B.1.(i),(ii) dan (iii) hendaklah menggunakan E8 (*Provisional*) secara manual. Contoh pengikraran E8 (*Provisional*) disertakan seperti di Lampiran I.
- ii. Pengikraran dibuat secara *provisional* pada awal bulan menggunakan borang E8 (*Provisional*) berdasarkan anggaran (*forecast*) barangan yang akan dihantar pada bulan tersebut ke setiap destinasi. Hanya satu borang E8 (*Provisional*) yang digunakan bagi setiap destinasi untuk sesuatu bulan.
- iii. Pengikraran E8 (*Provisional*) hendaklah didaftarkan oleh stesen yang mengawal dan diluluskan oleh Pegawai Kanan Eksais sebelum barangan dibenarkan keluar dari kilang. Satu Daftar E8 (*Provisional*) hendaklah diselenggarakan oleh stesen penghantar.
- iv. Bagi pemindahan untuk tujuan eksport atau ke kawasan yang ditetapkan (*Designated Area (DA)*) seperti di senario B.1.(iii), nama pelabuhan atau pintu keluar negara perlu dinyatakan dalam borang E8 (*Provisional*) tersebut. Contohnya Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Klang, Stesen Bukit Kayu Hitam atau Stesen Gelang Patah.
- v. Borang E8 (*Provisional*) tidak memerlukan pengesahan penerimaan oleh stesen penerima.

b. Penghantaran/Penerimaan Barang

- i. Penghantaran barang hendaklah menggunakan *Delivery Order (DO)* untuk setiap pemindahan seperti senario B.1.(i) dan (ii).
- ii. Penghantaran barang hendaklah menggunakan *Invois* untuk setiap pemindahan seperti senario B.1.(iii). Barangan juga hendaklah dikrar dalam Borang Kastam No. 2 untuk pengeksportan ke luar negara dan DA.

- iii. Penghantaran hendaklah menggunakan 'pengangkutan barang awam darat' yang tertakluk di bawah Akta Pengangkutan Perdagangan Awam Darat 2010. Penghantaran barang tersebut tidak memerlukan penggunaan pengangkut berlesen (*licensed carrier*).
- iv. Setiap DO hendaklah diakui terima oleh operator kilang/gudang bagi senario B.1.(i) dan B.1.(ii)

c. Pengikraran Muktamad (Final Declaration)

- i. Pengikraran E8 (Muktamad/ *Final Declaration*) bagi tempoh sebulan kalendar hendaklah dibuat tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya berdasarkan kuantiti sebenar yang dipindahkan mengikut destinasi kepada stesen pengawal.
- ii. Empat (4) salinan E8 (Muktamad/*Final Declaration*) perlu disediakan. Satu (1) salinan untuk simpanan stesen penghantar. Tiga salinan (3) akan dihantar kepada penerima. Dari tiga (3) salinan tersebut, satu (1) salinan untuk simpanan penerima, satu (1) salinan untuk simpanan stesen penerima dan satu (1) lagi salinan untuk dikembalikan kepada stesen penghantar selepas diakui terima.
- iii. Pendaftaran pengikraran Provisional dimulai dengan no siri dan diikuti dengan perkataan (Provisional). Contoh B10/E7/1234/19(Provisional).
- iv. Pendaftaran pengikraran Final Declaration dimulai no siri dengan diikuti perkataan (Final). Contoh B10/E7/1234/19(Final).
- v. Pengikraran hendaklah disertakan dengan satu lampiran yang menunjukkan kuantiti sebenar yang dipindahkan:
 - untuk senario B.1.(i) dan (ii) menggunakan Lampiran A3
 - untuk senario B.1.(iii) menggunakan Lampiran A3(Eksport/DA).
- vi. Setiap E8 (Muktamad/*Final Declaration*) hendaklah dicatatkan dengan nombor pendaftaran jaminan bank seperti mana yang telah didaftarkan di stesen yang mengawal kilang/gudang di penjurusan sebelah kiri borang E8.

d. Penerimaan Pengikraran E8 (Muktamad /Final Declaration)

- i. Stesen penerima hendaklah mendaftarkan setiap E8 (Muktamad/*Final Declaration*) yang diterima dari stesen penghantar dengan satu nombor pendaftaran penerimaan.

- Satu Daftar Penerimaan E8 (*Muktamad/Final Declaration*) hendaklah diselenggarakan.
- ii. E8 (*Muktamad/Final Declaration*) hendaklah diluluskan oleh stesen penerima berdasarkan Lampiran A3. *Delivery Order* (DO) yang telah diakui terima dan diendos oleh operator kilang/ gudang boleh digunakan untuk tujuan semakan bagi destinasi dalam senario B.1.(i) dan (ii).
 - iii. Untuk destinasi eksport ke luar negara dan DA seperti dalam senario B.1.(iii), Lampiran A3(Eksport/DA) boleh disemak dengan invois dan K2.
 - iv. Bil Tuntutan (BOD) akan dikeluarkan sekiranya kuantiti barangan yang dipindahkan tersebut tidak dapat diakaunkan.
 - v. Satu salinan E8 (*Muktamad/Final Declaration*) yang telah diakui terima dan ditandatangani oleh pegawai kanan hendaklah dikembalikan ke stesen penghantar.

D. PENUTUP

Tatacara ini diharap dapat memudahkan semua pihak dalam pemindahan minuman bergula sehingga satu tempoh yang akan ditetapkan. Pematuhan terhadap tatacara ini adalah penting dan perlu dipatuhi untuk menjamin keselamatan hasil barangan yang dipindahkan.

**Ketua Pengarah Kastam
Malaysia**